



# **SIARAN MEDIA**

## **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



KBS : 69/2025

### **180 SUKARELAWAN SERTA PROGRAM RAKAN PRIHATIN @ FURR EVER FRIENDS DI PUSAT PERLINDUNGAN KUCING PRESINT 9, PUTRAJAYA**

**12 SEPTEMBER 2025**

1. Program Rakan Prihatin @ Furr Ever Friends merupakan inisiatif sukarelawan anjuran Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama strategik Perbadanan Putrajaya serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
2. Inisiatif ini menjadi pendekatan baharu sukarelawan belia dalam membantu program khidmat komuniti berkaitan penjagaan haiwan terbiar di pusat perlindungan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara pengisian aktiviti termasuk sesi taklimat, latihan praktikal mengenai penjagaan asas kucing, pembersihan kawasan, penyediaan makanan serta interaksi mesra bersama kucing.
3. Program ini merupakan kombinasi dua daripada sepuluh aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda iaitu Rakan Bumi dan Rakan Prihatin, dengan objektif untuk:
  - 3.1 Memperluas skop mobilisasi kesukarelawanan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan;
  - 3.2 Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sukarelawan belia dalam bidang khidmat komuniti di pusat perlindungan haiwan;
  - 3.3 Memupuk kesedaran tentang kebajikan haiwan terbiar melalui penerapan nilai kemanusiaan serta meningkatkan empati sosial; dan
  - 3.4 Menyokong pelaksanaan Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar 2025 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) yang mempromosikan pemilikan haiwan secara bertanggungjawab.

4. Program ini menyasarkan penyertaan seramai 180 sukarelawan belia berumur 18 hingga 25 tahun, melibatkan Sukarelawan Belia, Sekretariat Rakan Muda (SRM), pertubuhan belia serta lapan kumpulan sasaran belia.
5. Program ini akan berlangsung dalam 6 siri program dari September hingga November 2025 dengan kekerapan dua kali sebulan. Dengan sokongan dan penyertaan belia, program ini diharap dapat melahirkan generasi yang lebih peka, penyayang, dan prihatin terhadap kebajikan haiwan serta menjadikan kesukarelawan sebagai budaya hidup.
6. Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), hadir merasmikan program ini yang berlangsung di Pusat Perlindungan Kucing, Presint 9, Putrajaya.
7. Majlis turut disertai YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar serta wakil daripada Mars Petcare yang menyumbang makanan kucing sempena program ini.
8. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai penganjuran program ini, sila hubungi JBSN di talian 03-8871 3245 atau e-mel [jbsn@kbs.gov.my](mailto:jbsn@kbs.gov.my).

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

